

BERITA HARIAN

DATE 21/11/2009

'Kepelbagaian kaum satu rahmat'

BH-21/11/09

Najib mahu slogan 1Malaysia jadi iktibar sahut cabaran perkasa ekonomi

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kepelbagaian kaum di negara ini adalah satu rahmat dan kerajaan mahu pastikan setiap rakyat menerima serta memanfaatkan anugerah itu untuk memperkukuhkan penguasaan ekonomi, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, slogan 1Malaysia harus dijadikan iktibar oleh rakyat pelbagai kaum untuk menyahut cabaran tunggal memperkasakan ekonomi negara ini dalam usaha mencapai taraf negara maju dalam masa terdekat.

"Perubahan asas dari segi

politik, sosial dan ekonomi dialami dunia sekarang harus menjadi acuan bagi Malaysia membentuk pemimpin generasi baru yang perlu mengenal pasti kelemahan status quo, mendidik rakyat serta menyediakan mereka untuk menerima proses perubahan

"Krisis kewangan melanda dunia baru-baru ini mendorong perubahan tumpuan ekonomi sejagat dari Barat ke Asia, khususnya China dan India yang sememangnya mempunyai hubungan baik dengan negara ini.

"Malaysia yang sejak berkurun lamanya menjadi tempat pertemuan pedagang dari Timur Tengah, China, India dan Kepulauan Melayu, kini harus memanfaatkannya un-

tuk mengembalikan zaman kegemilangan masa lampau," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Asia 21 Young Leaders Summit (Asia Society) di sini, malam tadi.

Hadir sama, pada sidang kemuncak yang dihadiri 150 pemimpin muda rantau Asia Pasifik itu ialah Presiden Asia Society, Vishakha N Desai dan Naib Presiden Eksekutif Asia Society, Jamie Metzl.

Najib menjelaskan, kepentingan negara ini selaku pusat perdagangan terkenal sebelum dijajah kuasa Barat, boleh dicapai kembali dengan kebangkitan China dan India sebagai gergasi baru ekonomi dunia.

"Malaysia mempunyai kelompok masyarakat Cina dan India yang terbesar di dunia di luar China dan India, tetapi kita tidak mahu asimilasi kepelbagaian di kalangan rakyat ini, sebaliknya kita hendak wujudkan per-

“Perubahan asas dari segi politik, sosial dan ekonomi dialami dunia sekarang harus menjadi acuan bagi Malaysia bentuk pemimpin generasi baru...**”**

Najib Razak
Perdana Menteri

paduan di sebalik perbezaan sesama mereka.

"Rakyat pelbagai kaum perlu belajar menyelesaikan masalah dihadapi secara tegas lagi pragmatik, kita perlu menjalin hubungan dan bertolak ansur dalam berkongsi kuasa berasaskan keperluan komuniti masing-masing.

"Kedudukan negara di luaran perdagangan utama antarabangsa sejak berkurun lamanya memberi kita kelebihan sebagai tumpuan penduduk dari serata negara Asia," katanya.

Katanya, perubahan akan tetap berlaku dan menjadi tanggungjawab semua pemimpin Asia untuk memastikan perubahan itu dimanfaatkan.